

# Ucapan penting PM kepada MCA

**KUALA LUMPUR, Khamis**—Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memberi ucapan penting kepada kira-kira 2,000 pemimpin MCA dalam mesyuaratnya di Wisma MCA di sini Ahad ini.

Presiden MCA, Datuk Lee San Choon memberitahu, mesyuarat tersebut akan dihadiri oleh anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta pemimpin-pemimpin parti peringkat bahagian dan cawangan.

"Saya telah menjemput Datuk Seri Dr Mahathir memberi uca-

pan dalam mesyuarat tersebut selaku Pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri," kata Datuk Lee.

Beliau menyatakan, mesyuarat itu bertujuan memberi taklimat kepada anggota parti tentang peranan yang patut diambil bagi meningkatkan imej dan kegiatan parti.

MCA dalam pilihanraya umum lalu telah menunjukkan kejayaan yang baik dengan memenangi 24 dari 28 kerusi Parlimen yang ditandinginya di samping memenangi 55 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Parti itu kini mem-

punyai 111 Bahagian dan 1,200 cawangan di seluruh negara.

Datuk Lee juga memberitahu, pada hari Sabtu pihaknya akan mengadakan mesyuarat untuk Ahli Parlimen dan Dewan Negeri parti itu.

Katanya, mesyuarat tersebut akan membincangkan peranan yang patut dimainkan oleh setiap wakil rakyat.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sal ketika diminta mengulas tindakan Pemuda MCA Kelantan untuk memulaukan majlis kemenangan Barisan Nasional beliau berkata, "Saya sedang menyiasat perkara tersebut."